

KETIDAKTEPATAN DALAM TERJEMAHAN KINAYAH AL-QURAN

Dr. Lubna Abd. Rahman

Fakulti Pengajian Bahasa Utama

Universiti Sains Islam Malaysia

lubna@usim.edu.my

Dr. Nasimah Abdullah

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

nasimah@kuis.edu.my

Dr. Saifullah Samsudin

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

saifulah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Al-Quran mengandungi unsur retorik yang tinggi dan pakar bidang linguistik Arab membahagikan ilmu retorik bahasa Arab (*al-Balaghah*) kepada beberapa aspek iaitu ilmu *al-bayaān*, ilmu *al-Ma'ani* dan ilmu *al-Badi'*. *Isti'ārah*, *kināyah* dan *majāz mursal* ialah elemen yang tergolong dalam aspek ilmu *al-bayaān*. *Kināyah* merupakan ungkapan yang digunakan untuk menyebut sesuatu yang tidak memberi maksud atau pengertian zahirnya. Oleh itu, ayat tersebut perlu ditafsirkan dengan jelas agar maksud sebenarnya dapat disampaikan dengan tepat. Penulisan ini bertujuan menganalisis terjemahan ayat al-Quran yang mengandungi gayabahasa *kināyah* ke bahasa Melayu untuk melihat kesepadanan maksud sebenar yang terdapat dalam mesej al-Quran dengan teks sasaran. Kajian ini adalah kajian kepustakaan dan bersifat kualitatif kerana mengguna pakai kaedah analisis kandungan dalam menganalisis terjemahan gayabahasa *kināyah*. Dua teks terjemahan al-Quran iaitu "al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan" terbitan Yayasan Restu dengan "Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani Dalam Bahasa Melayu" terbitan al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd dijadikan korpus kajian untuk melihat pendekatan yang digunakan oleh kedua-dua teks dalam menterjemah *kināyah*. Untuk mengukur ketepatan dan kesepadanan mesej bahasa sumber dengan bahasa sasaran, pentafsiran kitab-kitab tafsir yang muktabar dirujuk seperti *Al-Baydhāwi*, *Al-Qurtubi*, *Al-Suyūti*, *Al-Zamakhshari*, *Ibn 'Asyūr* dan *Ibn 'Atiyyah*. Kajian ini mendapati wujudnya terjemahan yang tidak menepati kehendak makna sebenar mesej *al-Quran* ekoran penggunaan pendekatan secara literal. Justeru, strategi terjemahan lain perlu diguna pakai agar makna sebenar mesej al-Quran dapat disampaikan kepada pembaca sasaran.

Kata Kunci: *Kināyah*, figuratif, terjemahan al-Quran, budaya, teks sumber dan teks sasaran

Pendahuluan

Bahasa merupakan alat yang terpenting bagi membolehkan manusia berinteraksi dan berkomunikasi. Bahasa juga mempunyai hubungan dengan masyarakat dan membentuk budaya tersendiri. Budaya didefinisikan sebagai satu cara dan manifestasi kehidupan yang khusus bagi sesuatu masyarakat yang menggunakan bahasa tertentu sebagai medium komunikasi (Newmark: 1988).

Antara satu bahasa dengan bahasa yang lain pastinya terdapat persamaan dan perbezaan daripada segi linguistik, semantik dan aspek budaya. Dalam proses terjemahan pula, unsur linguistik dan budaya merupakan cabaran yang perlu ditangani oleh penterjemah. Oleh itu, penterjemah bukan sahaja perlu memahami masalah linguistik semasa memindahkan makna atau mesej, bahkan juga perlu peka dengan latar belakang budaya kedua-dua bahasa sumber dan bahasa sasaran. *Kināyah* adalah ungkapan yang melibatkan konsep lintas budaya.

Hubungan bahasa dengan budaya dapat diselidik melalui dua cara, iaitu pentafsiran dan pengalihan makna. Penterjemah akan mengalami kesulitan semasa pentafsiran makna lebih-lebih lagi berkaitan dengan budaya seperti isyarat, metafora, informasi implisit, humor dan ungkapan yang ada elemen kebudayaan (Silzer: 1990: 28). Oleh itu, dalam pentafsiran sesuatu teks, penterjemah perlu memahami ungkapan dalam konteks budaya bahasa sumbernya terlebih dahulu sebelum memindahkan maknanya dengan tepat ke bahasa sasaran. Misalnya, ungkapan (طويل اليد) dalam bahasa Arab yang merujuk kepada gaya bahasa *kināyah* atau bahasa kiasan perlu diterjemahkan kepada bahasa Melayu dengan “sifat pemurah”. Hal ini kerana ungkapan tersebut harus difahami dalam konteks budaya Arab.

Dapat diperhatikan bahawa terjemahan (طويل اليد) kepada “sifat pemurah” tidak melibatkan penggantian konstituen-konstituen dalam teks asal tetapi teks berkenaan secara keseluruhan. Ini bermaksud, yang dipindahkan adalah makna, bukannya bentuk. Jika diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu secara literal iaitu “panjang tangan”, nescaya makna tidak akan sampai kepada pembaca bahasa sasaran (iaitu bahasa Melayu) dengan betul kerana wujudnya perbezaan aspek budaya antara Arab dengan Melayu. Ungkapan “panjang tangan” dalam konteks budaya Melayu bermaksud “suka mencuri” dan ini sama sekali tidak menepati makna teks sumber. Pemindahan bentuk semata-mata iaitu (طويل) kepada (panjang) dan (اليد) kepada (tangan) tidak dapat merujuk kepada satu konteks makna yang sama daripada sudut pandang masyarakat Arab dan Melayu walaupun makna leksikalnya adalah sepadan. Ini sejajar dengan apa yang dinyatakan oleh Larson (1989) bahawa konsep dalam bahasa sumber adakalanya tidak mempunyai padanan leksikal dalam bahasa sasaran disebabkan perbezaan geografi, adat istiadat, kepercayaan, wawasan dan lain-lain.

Al-Quran mengandungi unsur retorik yang tinggi dan pakar bidang linguistik Arab membahagikan ilmu retorik bahasa Arab (*al-Balaghah*) kepada beberapa aspek iaitu ilmu *al-bayaān*, ilmu *al-Ma’ani* dan ilmu *al-Badi’*. *Isti’ārah*, *kināyah* dan *majāz mursal* ialah elemen yang tergolong dalam aspek ilmu *al-bayaān* dan kesemua gaya bahasa tersebut dikenali sebagai *majāzi*. Ilmu *al-bayaān* adalah satu ilmu yang membincangkan kepelbagaian ungkapan dalam menjelaskan suatu idea melalui penggunaan bahasa kiasan dan perumpamaan (Mohd Zaki & Che Radiah: 2013: 3).

Antara gaya bahasa yang terkandung dalam al-Qur’an ialah gaya bahasa *kināyah* yang memerlukan pembaca mendapatkan kefahaman menjangkau maksud literal teks. Pembaca perlu mengenalpasti struktur konteks sebelum menetapkan makna untuk mengelakkan masalah ketaksaan dalam memahami frasa al-Qur’an. Perkara ini kerana struktur al-Qur’an mengutarakan maksud kontekstual yang mempunyai makna semantik yang berbeza bergantung pada konteks

ayat. Pemerhatian pada konteks perlu diberi penekanan dan dianalisis sebaik-baiknya dalam pengintepretasian ujaran supaya makna sebenar ayat al-Qur'an yang diperoleh benar-benar tepat dalam menjana pemahaman dan kefahaman (Muhammad Luqman Ibnul Hakim et al.: 2015).

Apabila membincangkan terjemahan al-Qur'an ke bahasa lain, sewajarnya dijelaskan terlebih dahulu bahawa al-Qur'an diturunkan dalam bahasa Arab yang mempunyai keistimewaan dan ciri-ciri bahasa yang unik selain mengandungi unsur retorik yang tinggi. Antara unsur retorik yang dimaksudkan adalah *kināyah*. Tidak dapat dinafikan juga bahawa menterjemahkan unsur retorik yang terdapat dalam al-Qur'an kepada bahasa lain mungkin akan menghilangkan sifat dan ciri utama yang ada pada al-Qur'an. Justeru, jika kita semata-mata bergantung pada terjemahan secara literal, mesej sebenar yang terdapat dalam al-Qur'an tidak dapat disampaikan dengan tepat.

Dalam masyarakat Malaysia, terdapat dua (2) terjemahan makna al-Quran ke bahasa Melayu yang mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat Malaysia. Ini adalah berdasarkan kekerapan ulangan cetakan oleh pihak penerbit. Terjemahan pertama yang digunapakai di Malaysia ialah "al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan" yang diterbitkan oleh Yayasan Restu dan telah diulang cetak sebanyak lapan kali sehingga tahun 2017. Seterusnya, terjemahan yang kedua adalah "*Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani Dalam Bahasa Melayu*" yang diterbitkan oleh al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd. dan telah diulang cetak pada tahun 2017. Kajian ini akan meneliti kedua-dua teks terjemahan tersebut dengan memfokuskan gaya bahasa *kināyah*.

Kināyah dan Terjemahan

Setiap bahasa itu unik dan mempunyai aturan-aturannya sendiri. Inilah yang membuahkan perbezaan antara bahasa Arab dengan bahasa Melayu yang tergolong dalam rumpun bahasa yang berbeza. Perbezaan tersebut bukan sahaja daripada segi geografi dan peraturan penggunaan bahasa, malah daripada aspek budaya (Ainon dan Abdullah, 2008). Dengan sebab itu, Larson (1989: 3) menghubungkaitkan terjemahan dengan budaya apabila mendefinisikan terjemahan sebagai "mempelajari leksikon, struktur gramatikal, situasi komunikasi dan konteks budaya daripada teks bahasa sumber".

Antara isu penting yang mesti disedari oleh penterjemah ialah jurang kebudayaan antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran. Penterjemah perlu menyedari jurang tersebut lebih-lebih lagi apabila berinteraksi dengan bahasa kiasan kerana maknanya mempunyai pelbagai konotasi dan implikasi dalam persekitaran kebudayaan yang berbeza. Untuk mencapai komunikasi efektif tentang budaya, tugas penterjemahan adalah penting sebagai medium pertukaran maklumat budaya dan seharusnya dijalankan dengan lebih baik (Cho Minsung & Puteri Roslina: 2016). Penterjemah harus bijak memilih strategi terjemahan yang dapat menyampaikan maklumat budaya bahasa sumber kepada pembaca bahasa sasaran dengan berkesan.

Apa yang pasti, satu masyarakat hidup dalam suasana sekeliling yang berbeza sama sekali dengan masyarakat yang lain, dan suasana tersebut akan menentukan latar belakang budaya setempat sesuatu masyarakat (Nasimah Abdullah: 2015: 73). Ungkapan figuratif adakalanya terhasil daripada suasana sekeliling yang mungkin melibatkan elemen geologi dan budaya. Oleh kerana ungkapan figuratif mempunyai ungkapan yang maknanya tidak boleh difahami daripada makna perkataan itu sendiri, maka penterjemah perlu memahami beberapa perkara dalam terjemahan sebelum memindahkan makna daripada satu bahasa ke dalam bahasa lain, seperti budaya bahasa sumber dan konteks makna. Kegagalan memahami budaya teks

sumber dan konteks ujaran akan menyebabkan makna sebenar tidak dapat dipindahkan kepada budaya sasaran.

Ungkapan figuratif ialah ungkapan yang tidak diketahui maksudnya daripada makna perkataan itu sendiri atau daripada susunan tatabahasanya. *Kināyah* adalah salah satu daripada unsur ungkapan figuratif. Figuratif menunjukkan makna (perkataan, rangkai kata, dan sebagainya) yang lebih abstrak atau imaginatif daripada makna biasanya, atau bersifat kiasan atau lambang (Kamus Dewan: 2015). *Kināyah* merupakan ungkapan yang digunakan untuk menyebut sesuatu yang tidak memberi maksud atau pengertian zahirnya.

Pelbagai pendekatan dan strategi diperkenal dan digunapakai oleh sarjana terjemahan untuk memastikan kandungan teks sumber dapat dipindahkan dengan tepat dan jelas serta difahami oleh pembaca atau pendengar bahasa sasaran. Terdapat pendekatan yang berorientasikan teks sumber dan mementingkan pengekalan semula bentuk teks sumber kepada teks sasaran seperti terjemahan literal dan semantik. Ada juga yang mengutamakan penyampaian semula makna teks sumber dalam teks sasaran iaitu yang berorientasikan teks sasaran seperti terjemahan idiomatik dan komunikatif. Pemindahan bentuk tanpa memfokuskan makna adakalanya mengundang ketidaktepatan dan kekaburan dalam memahami maksud teks asal terutamanya apabila melibatkan terjemahan teks sumber yang mengandungi unsur budaya dan linguistik berbeza dengan teks sasaran.

Terjemahan secara kata demi kata atau literal (*harfiah*) adakalanya menyebabkan maksud sebenar tidak dapat disampaikan dengan jelas dan boleh membawa kepada kekeliruan. Dengan erti kata lain, bukan semua *kināyah* boleh diterjemahkan secara literal disebabkan wujudnya perbezaan unsur semantik, budaya dan konteks antara bahasa yang masih boleh menentukan tahap kebolehterjemahannya secara literal atau sebaliknya. Oleh itu, penterjemah perlu mengambil pendekatan tertentu untuk menyampaikan mesej bahasa sumber kepada bahasa sasaran agar pemahaman terhadap maksud teks yang sebenar dapat dicapai.

Terjemahan *kināyah* al-Qur'an kepada bahasa-bahasa lain secara dasarnya mempunyai prinsip (Nasimah & Lubna, 2016). Ia boleh diterjemahkan secara literal jika tiada kekeliruan pada maksud asal mesej al-Qur'an. Jika terdapat makna yang tidak jelas, maka penterjemah perlu mengambil pendekatan lain untuk menyampaikan mesej al-Qur'an. Dalam waktu yang sama, tidak dinafikan juga bahawa kaedah terjemahan selain terjemahan literal boleh menyebabkan hilangnya sifat dan ciri utama yang ada pada al-Qur'an.

Metodologi

Penulisan ini bertujuan menganalisis terjemahan ayat al-Quran yang mengandungi gayabahasa *kināyah* ke bahasa Melayu untuk melihat sama ada maksud sebenar yang terdapat dalam mesej al-Quran dapat disampaikan secara tepat atau sebaliknya ke dalam teks sasaran. Kajian ini adalah kajian kepustakaan dan menggunakan pendekatan kualitatif dalam menganalisis data. Pendekatan kualitatif ini menjurus kepada analisis kandungan iaitu membandingkan antara dua teks terjemahan makna al-Quran ke dalam bahasa Melayu.

Dalam usaha mencapai objektif yang digariskan, penulis telah menghadkan kajian ini hanya pada dua (2) terjemahan makna al-Quran ke bahasa Melayu. Terjemahan pertama ialah "al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan" yang diterbitkan oleh Yayasan Restu. Seterusnya, terjemahan yang kedua adalah "*Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani Dalam Bahasa Melayu*" yang diterbitkan oleh al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.. Kajian ini akan meneliti kedua-dua teks terjemahan tersebut dengan memfokuskan gaya bahasa *kināyah* dalam al-Qur'an.

Manakala, dari segi pengukuran ketepatan dalam memindahkan mesej bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran, penulis berpegang kepada pentafsiran kitab-kitab tafsir yang muktabar seperti *Al-Baydhāwi*, *Al-Qurtubi*, *Al-Suyūti*, *Al-Zamakhshari*, *Ibn ‘Asyūr* dan *Ibn ‘Atiyyah*.

Analisis dan Perbincangan

Kajian ini menganalisis lima (5) contoh *kināyah* dalam al-Quran dan terjemahannya oleh Yayasan Restu dan al-Hidayah House yang sebahagiannya didapati tidak menepati kehendak makna sebenar dan tidak difahami oleh pembaca sasaran. Namun, melalui strategi terjemahan seperti eksplisitasi, pemahaman pembaca terhadap maksud sebenar *kināyah* dapat dicapai.

Contoh 1: Surah al-Baqarah (2): Ayat 222

﴿وَيَسْأَلُونَكَ عَنِ الْمَحِيضِ قُلْ هُوَ أَذًى فَأَعْتَزِلُوا النَّسَاءَ فِي الْمَحِيضِ وَلَا تَقْرُبُوهُنَّ حَتَّى يَطْهُرْنَ فَإِذَا تَطَهَّرْنَ فَأْتُوهُنَّ مِنْ حَيْثُ أَمَرَكُمُ اللَّهُ إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ التَّوَّابِينَ وَيُحِبُّ الْمُتَطَهِّرِينَ﴾

Terjemahan al-Hidayah House of Quran

Mereka bertanya kepadamu tentang haid. Katakanlah: “Haid itu adalah kotoran.” Oleh sebab itu, hendaklah kamu menjauhkan diri dari wanita di waktu haid dan janganlah kamu mendekati mereka sebelum mereka suci. Apabila mereka telah suci, maka campurilah mereka itu di tempat yang diperintahkan Allah kepadamu. Sesungguhnya Allah menyukai orang yang bertaubat dan menyukai orang yang menyucikan diri.

Terjemahan Yayasan Restu

Dan mereka bertanya kepadamu (wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. Katakanlah, “Darah haid itu satu benda yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat.” Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. Kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah mencintai orang yang banyak bertaubat, dan mencintai orang yang sentiasa menyucikan diri.

Ungkapan (ولا تقربوهن) merupakan *kināyah* kepada larangan menyetubuhi isteri ketika berada dalam masa haid (*al-Zamakhshari*: 1995; *Ibn ‘Atiyyah*: 2001). Ungkapan tersebut jika diterjemahkan secara literal bermaksud “dan janganlah kamu mendekati mereka”. Penterjemahan sebegini menyebabkan maksud sebenar ungkapan *kināyah* tidak dapat disampaikan dengan jelas.

Contoh 1 di atas menunjukkan bahawa al-Hidayah House of Quran cenderung kepada terjemahan semantik kerana setia kepada bentuk teks sumber, serta berkisar dalam unsur budaya teks sumber. Hal ini kerana al-Hidayah House of Quran menghuraikan makna konteks yang terdapat dalam teks asal setakat yang dibenarkan oleh struktur semantik dan sintaksis bahasa sasaran. Ini berbeza sama sekali dengan Yayasan Restu yang cuba menyesuaikan mesej teks asal mengikut budaya sasaran dengan cara menggabungkan pendekatan Terjemahan Semantik secara modulasi dan Terjemahan Komunikatif secara peluasan.

Semantik secara modulasi dapat diperhatikan pada penggunaan ungkapan “menjauhkan diri” sebagai ganti kepada “jangan mendekati”. Manakala Terjemahan Komunikatif secara peluasan pula adalah penggunaan pentafsiran yang diletakkan

dalam kurungan iaitu (jangan bersetubuh dengan isteri kamu). Dalam pada itu, pendekatan al-Hidayah House of Quran untuk mengekalkan bentuk asal teks sumber tidak menjelaskan dengan tepat maksud sebenar ayat tersebut, malah boleh menimbulkan kekaburan kepada pembaca sasaran.

Contoh 2: Surah Ibrahim (14): Ayat 9

﴿أَلَمْ يَأْتِكُمْ نَبَأُ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ قَوْمِ نُوحٍ وَعَادٍ وَثَمُودَ وَالَّذِينَ مِنْ بَعْدِهِمْ لَا يَعْلَمُهُمْ إِلَّا اللَّهُ جَاءَهُمْ رَسُولُهُمْ بِالْبَيِّنَاتِ فَرَدُّوا أَيْدِيَهُمْ فِي أَفْوَاهِهِمْ وَقَالُوا إِنَّا كَفَرْنَا بِمَا أُرْسِلْتُمْ بِهِ وَإِنَّا لَفِي شَكٍّ مِمَّا تَدْعُونَنَا إِلَيْهِ مُرِيبٍ﴾

Terjemahan Yayasan Restu

Bukankah telah datang kepada kamu khabar berita orang yang sebelum kamu, iaitu kaum (Nabi) Nuh, ‘Ad dan Thamud serta kaum sesudah mereka? Tidak ada sesiapa pun yang mengetahui jumlah mereka melainkan Allah. Mereka telah didatangi oleh rasul-rasul mereka dengan membawa keterangan-keterangan yang nyata, lalu mereka meletakkan tangan-tangan ke mulut mereka sambil berkata, “Sesungguhnya kami mengingkari apa yang kamu sampaikan itu dan kami benar-benar dalam keraguan terhadap apa yang kamu ajak kami kepadanya (iaitu keimanan dan tauhid).”

Terjemahan al-Hidayah House of Quran

“Apakah belum sampai kepadamu berita orang sebelum kamu (iaitu) kaum Nuh, ‘Ad, Thamud dan orang setelah mereka? Tidak ada yang mengetahui tentang mereka selain Allah.” Telah datang rasul-rasul kepada mereka (membawa) bukti-bukti yang nyata, lalu mereka meletakkan tangan ke mulut mereka (kerana kebencian) sambil berkata : “Sesungguhnya kami tidak percaya akan (bukti bahawa) kamu diutus (kepada kami) dan sesungguhnya kami benar-benar dalam keraguan yang menggelisahkan terhadap apa yang kamu serukan kepada kami.”

Al-Baydhawi (2003: 1: 514), *al-Tabari* (2005: 6: 4780) dan *al-Zamakhsyari* (1995: 2: 521) menyatakan bahawa ungkapan (ردوا أيديهم في أفواههم) bukan membawa pengertian hakiki, tetapi merupakan *kināyah* yang menggambarkan perasaan bosan, meluat, tidak senang hati, kemarahan, ejekan atau persendaan kaum *Nuh*, ‘*Ad* dan *Thamud* kepada apa yang dibawa oleh para rasul. Ungkapan (رَدُّوا أَيْدِيَهُمْ فِي أَفْوَاهِهِمْ) jika diterjemahkan secara literal bermaksud “mereka meletakkan tangan mereka pada mulut mereka”.

Berdasarkan Contoh 2, kedua-dua terjemahan menggunakan pendekatan Terjemahan Semantik iaitu dengan mengekalkan bentuk, laras dan pola teks sumber. Secara dasarnya, kedua-dua terjemahan cuba mengekalkan sifat khusus teks asal. Walau bagaimanapun, didapati al-Hidayah House of Quran menggunakan strategi eksplisitasi dengan menambah frasa dalam tanda kurungan (kerana kebencian) untuk menyatakan sebab perbuatan itu dilakukan.

Pengekalan bentuk, laras dan pola teks sumber dalam terjemahan ayat tersebut menyebabkan berlaku kehilangan makna kerana makna sebenar *kināyah* tersebut tidak disampaikan dengan tepat dan tidak mungkin difahami oleh pembaca sasaran. Hal ini disebabkan wujudnya perbezaan budaya antara bahasa Arab dan Melayu. Namun, pendekatan al-Hidayah House of Quran yang menggunakan strategi eksplisitasi adalah

lebih baik berbanding Yayasan Restu kerana *kināyah* al-Qur'an dapat ditafsirkan dengan lebih jelas untuk mencapai maksud sebenar dengan tepat.

Contoh 3: Surah al-Isra' (17): Ayat 51

﴿أَوْ خَلَقْنَا مِمَّا يَكْبُرُ فِي صُدُورِكُمْ فَسَيَقُولُونَ مَنْ يُعِيدُنَا قُلِ الَّذِي فَطَرَكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ فَسَيُنْغِضُونَ إِلَيْكَ رُءُوسَهُمْ وَيَقُولُونَ مَتَى هُوَ قُلْ عَسَى أَنْ يَكُونَ قَرِيبًا﴾

Terjemahan al-Hidayah House of Quran

Atau suatu makhluk daripada makhluk yang tidak mungkin (hidup) menurut fikiranmu.” Maka mereka akan bertanya: “Siapa yang akan menghidupkan kami kembali?” Katakanlah: “Yang telah menciptakan kamu pertama kali.” Lalu mereka akan menggeleng-gelengkan kepala mereka kepadamu dan berkata: “Bila itu (akan terjadi)?” Katakanlah: “Mudah-mudahan waktu kebangkitan itu dekat.

Terjemahan Yayasan Restu

Atau lain-lain makhluk yang terlintas di hati kamu yang tidak mungkin hidupnya,” Mereka pula akan bertanya, “Siapakah yang akan mengembalikan kita hidup semula?” Katakanlah: “Allah yang menjadikan kamu pada mulanya!” Maka mereka akan menggeleng-gelengkan kepala mereka kepadamu sambil bertanya secara mengejek, “Bila berlakunya?” Katakanlah: “Mudah-mudahan waktu berlakunya itu tidak lama lagi.”

Kināyah dalam ayat di atas adalah pada ungkapan (سينغضون إليك رؤوسهم). Menurut *al-Baydhawi* (2003: 1: 573), *al-Zamakhshari* (1995: 2: 645) dan *Ibn 'Asyūr* (1984: 7: 128), maksud ungkapan itu ialah takbur, kesombongan atau keangkuhan. Jika ungkapan (انغاض الرأس) diterjemahkan secara literal (iaitu menggelengkan kepala), ungkapan tersebut pastinya membawa kepada kekaburan untuk memahami makna sebenar yang dimaksudkan oleh ayat *al-Qur'an* itu. Hal ini terjadi kerana wujudnya perbezaan dalam sistem linguistik, struktur semantik dan unsur budaya antara kedua-dua bahasa Arab dan Melayu.

Berdasarkan contoh di atas, kedua-dua terjemahan Yayasan Restu dan al-Hidayah House of Quran cenderung kepada Terjemahan Semantik kerana setia kepada bentuk teks sumber, laras dan pola teks sumber serta berkisar dalam unsur budaya teks sumber. Hal ini kerana kedua-duanya menghuraikan makna konteks yang terdapat dalam teks asal setakat yang dibenarkan oleh struktur semantik dan sintaksis bahasa sasaran. Pengekalan bentuk, laras dan pola teks sumber dalam terjemahan ayat tersebut menyebabkan berlaku kehilangan makna.

Namun, didapati Yayasan Restu dalam waktu yang sama cuba mengeksplisit makna sebenar *kināyah* tersebut apabila menambah frasa “secara mengejek” dalam ayat selepasnya. Penambahan ini berkemungkinan besar sebagai satu usaha untuk menjelaskan maksud ungkapan *kināyah* yang terkandung dalam ayat al-Qur'an tersebut iaitu takbur, kesombongan atau keangkuhan. Secara tidak langsung, terjemahan Yayasan Restu boleh menggambarkan kehendak maksud *kināyah* dalam ayat tersebut.

Contoh 4: Surah al-Anbiya' (21): Ayat 65

﴿ ثُمَّ نَكِسُوا عَلَىٰ رُؤُوسِهِمْ لَقَدْ عَلِمْتُمْ مَا هَؤُلَاءِ يَنْطِقُونَ ﴾

Terjemahan Yayasan Restu

Kemudian mereka menundukkan kepala, lalu berkata, “Sesungguhnya engkau (wahai Ibrahim), telah sedia mengetahui bahawa berhala-berhala itu tidak dapat berkata-kata (maka kenapa engkau menyuruh kami bertanya kepadanya)?”

Terjemahan al-Hidayah House of Quran

Kemudian kepala mereka jadi tertunduk ⁽¹⁾ (lalu berkata): “Sesungguhnya kamu (wahai Ibrahim) telah mengetahui bahawa berhala-berhala itu tidak dapat berbicara.”

⁽¹⁾ Mereka kembali membangkang setelah sadar.

Kināyah dalam ayat di atas terdapat pada ungkapan (نَكِسُوا عَلَىٰ رُؤُوسِهِمْ). Menurut *al-Baydhawi* (2003) dan *al-Zamakhshari* (1995), ungkapan tersebut bukan membawa pengertian hakiki, bahkan kiasan kepada sikap orang-orang kafir yang telah mengubah fikiran mereka daripada kebenaran Islam kepada kebatilan iaitu menyembah berhala. Ungkapan tersebut jika diterjemahkan secara literal bermaksud “mereka menundukkan kepala mereka”. Pendekatan terjemahan secara literal boleh menyebabkan maksud sebenar ayat tidak dapat disampaikan dengan jelas dan boleh mengelirukan pembaca. Keadaan ini terjadi kerana wujudnya perbezaan dalam sistem linguistik, struktur semantik dan unsur budaya antara kedua-dua bahasa Arab dan Melayu.

Kedua-dua terjemahan Yayasan Restu dan al-Hidayah House of Quran didapati lebih cenderung kepada pendekatan Terjemahan Semantik kerana setia kepada bentuk teks sumber, laras dan pola teks sumber serta berkisar dalam unsur budaya teks sumber. Hal ini kerana kedua-duanya menghuraikan makna konteks yang terdapat dalam teks asal setakat yang dibenarkan oleh struktur semantik dan sintaksis bahasa sasaran. Terjemahan *kināyah* pada ungkapan (نَكِسُوا) dalam contoh di atas seperti “Kemudian mereka menundukkan kepala” dan “Kemudian kepala mereka jadi tertunduk” tidak menepati kehendak sebenar maksud ungkapan tersebut kerana tidak menunjukkan wujudnya sikap sebenar orang-orang kafir dalam dialog di atas.

Namun, al-Hidayah House of Quran dilihat menggunakan eksplisitasi untuk menambah informasi melalui teknik nota kaki iaitu “Mereka kembali membangkang setelah sadar”. Penambahan ini dilihat sebagai satu usaha untuk menyampaikan dengan lebih jelas maksud ungkapan *kināyah* yang terkandung dalam ayat al-Qur’an tersebut.

Contoh 5: Surah al-Masad (111): Ayat 4

﴿ وَأَمْرَأَتُهُ حَمَّالَةَ الْحَطَبِ ﴾

Terjemahan Yayasan Restu

Dan juga isterinya, seorang perempuan pemunggang kayu api

Terjemahan al-Hidayah House of Quran

Dan (begitu juga binasalah) isterinya, pembawa kayu bakar ⁽¹⁾

(1) Pembawa kayu api dalam bahasa Arab adalah kiasan bagi menyebarkan fitnah. Isteri Abu Lahab disebut pembawa kayu bakar kerana dia selalu menyebarkan fitnah untuk memburuk-burukkan Nabi Muhammad dan kaum muslimin.

Perkataan (امرأة) dalam ayat di atas adalah merujuk kepada isteri Abu Lahab bernama *Arwaa'* dan dia merupakan saudara perempuan kepada Abu Sufian. Ada pentafsir yang menyatakan (حاملة الخطب) ialah kiasan kepada sifat yang suka menabur fitnah, mengadu domba dan mengumpat (*al-Tabari*: 2005: 10: 8824-8825; *al-Baydhwawi*: 2003: 2: 630; *al-Qurtubi*: 2000: 20: 235-236; *Ibn Kathir*: 2000: 14: 495-496).

Ungkapan tersebut jika diterjemahkan secara literal bermaksud “seorang perempuan pemunggang kayu api”. Jika penterjemah menggunakan pendekatan terjemahan yang berorientasikan teks sumber seperti terjemahan literal atau semantik, hal ini boleh menyebabkan maksud sebenar ayat tidak dapat disampaikan dengan tepat dan boleh mengelirukan pembaca. Keadaan ini terjadi kerana wujudnya perbezaan dalam sistem linguistik, struktur semantik dan unsur budaya antara kedua-dua bahasa Arab dan Melayu.

Kedua-dua terjemahan Yayasan Restu dan al-Hidayah House of Quran cenderung kepada pendekatan Terjemahan Semantik kerana setia kepada bentuk teks sumber, laras dan pola teks sumber serta berkisar dalam unsur budaya teks sumber. Hal ini kerana kedua-duanya menghuraikan makna konteks yang terdapat dalam teks asal setakat yang dibenarkan oleh struktur semantik dan sintaksis bahasa sasaran. Walau bagaimanapun, al-Hidayah House of Quran dilihat menggunakan strategi eksplisitasi untuk menambah informasi melalui teknik nota kaki. Penambahan ini dapat menjelaskan dengan tepat maksud ungkapan *kināyah* yang terkandung dalam ayat al-Qur'an tersebut.

Penutup

Terjemahan gaya bahasa figuratif antara dua bahasa menjadi cabaran kepada penterjemah sekiranya wujud perbezaan linguistik dan budaya antara kedua-duanya. Pendekatan terjemahan yang berorientasikan teks sumber semata-mata seperti terjemahan literal dan semantik mungkin tidak dapat menyampaikan maksud sebenar gaya bahasa figuratif dengan tepat. *Kināyah* ialah salah satu contoh gaya bahasa figuratif yang perlu diterjemahkan dengan tepat dan jelas kerana mungkin tidak dapat difahami oleh pembaca sasaran disebabkan perbezaan budaya dan peraturan linguistik. Terjemahan *kināyah* dalam teks suci seperti al-Quran juga perlu diberi perhatian kerana penyampaian mesej yang tidak tepat boleh membawa kepada salah faham terhadap maksud ayat.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan oleh penyelidik terhadap dua (2) teks terjemahan makna al-Quran yang terdapat di pasaran, terdapat cara terjemahan yang dilihat tidak menepati kehendak makna yang terkandung dalam al-Quran dalam menterjemahkan *kināyah* kepada bahasa Melayu. Gaya bahasa *kināyah* al-Quran seharusnya diterjemahkan dengan jelas kepada bahasa Melayu supaya dapat menggambarkan mesej yang hendak disampaikan oleh teks al-Quran. Terjemahan secara literal mahu pun semantik adakalanya menyebabkan maksud sebenar tidak dapat disampaikan dengan jelas dan boleh membawa kepada kekaburan. Penterjemah perlu mengambil pendekatan atau strategi tertentu untuk menyampaikan mesej bahasa sumber kepada bahasa sasaran agar pemahaman terhadap maksud teks yang sebenar dapat dicapai.

Penghargaan

Setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Pengurusan Penyelidikan (RMC) yang telah memberi dana untuk menjalankan penyelidikan melalui dana Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2017 dari tempoh Disember 2017 hingga April 2019.

Rujukan

- _____. (2012). *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*. Shah Alam: Yayasan Restu. Cetakan 8.
- _____. (2017). *Terjemahan al-Quran al-Karim Rasm Uthmani dalam Bahasa Melayu*. Selangor: al-Hidayah House of Quran Sdn. Bhd.
- _____. (2015). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edisi keempat.
- Ainon Mohd & Abdullah Hassan. (2008). *Teori dan Teknik terjemahan*. Cetakan Ke-5. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd & Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Al-Baydhāwi, N. (2003.) *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Cho Minsung dan Puteri Roslina Abdul Wahid. 2016. Penterjemahan Budaya Bukan Kebendaan Dalam Teks Terjemahan Bahasa Korea-Bahasa Melayu. *Jurnal Melayu*, 15(2): 160-175.
- Ibn 'Asyūr, M. (1984). *Tafsir al-Tahrir wa al-Tanwir*. Tunis: al-Dar al-Tunisiyyah.
- Ibn 'Atiyyah, A.H. (2001). *Al-Muharrir al-Wajizfi Tafsir al-Kitab al-Aziz*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibn Kathir, al-Imam al-Haafiz Imad al-Din Abu al-Fida' Ismail. (2000). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Tahqiq: Mustafa al-Syed Muhammad wa Muhammad al-Syed Rasyad wa Muhammad Fadhl al-'Ujmawi wa Ali Ahmad al-Baati. Al-Jiizah: Muasasah Qurtuba wa Maktabah Aulad al-Syeikh li al-Turath.
- Larson, Mildred. (1989). *Penerjemahan Berdasarkan Makna: pedoman untuk Pemadanan Antarbahasa*. Terjemahan Kencanawati Tanirah. Jakarta: Arcan.
- Mohd Zaki Abd. Rahman & Che Radiah Mezah. (2013). *Balaghah Melayu Berdasarkan Balaghah Arab Satu Pengenalan dalam Ilmu Ma'ani*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad Luqman Ibnul Hakim Mohd Sa'ad, Muhammad Zaidi Zakaria, Mohd Sollah Mohamed & Nabihah Yusof. (2015). Struktur Dan Konteks Kolokasi Frasa Al-Idāfāt Dalam Al-Quran: Satu Pemerhatian Semantik, dalam Prosiding Kuala Lumpur International Communication, Education, Language And Social Sciences 1 (Klicels1), 6 – 7 June, 2015. Hotel Putra, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Nasimah Abdullah. (2015). *Tarjamah al-Dalalaat al-Majaziyyah al-Qur'aniyyah : Dirasat Tahliliyyah li Asaliib al-Tarjamah fi al-Tarajum al-Malayuwiyyah al-Fardiyyah*. Disertasi Doktor Falsafah (tidak diterbitkan). Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Kuala Lumpur.
- Nasimah Abdullah dan Lubna Abd Rahman. (2016). Ayat Figuratif dalam al-Quran: Keperluan kepada Terjemahan Secara Kolektif. *Jurnal Penterjemah*. Jilid XVIII. Bil. 1. Jun 2016. 1-13.
- Newmark, P. (1988). *A Textbook of Translation*. New York London: Prentice Hall.
- Al-Qurtubi, A.A. 2000. *Al-Jami' li ahkam al-Qur'an*. ed. Salim Mustafa al-Badri. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.

- Silzer, Peter J. (1990). Penerjemahan sebagai Suatu Kegiatan Lintas Budaya. *Jurnal Penterjemah*. November 1990. Kuala Lumpur: Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Al-Tabari, Abu Jaafar Muhammad ibn Jarir. (2005). *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Aayi al-Quran Tafsir al-Tabari*. Dar al-Salaam, Cairo, Egypt.
- Al-Zamakhsyari, M. (1995). *Al-Kashshaf*. ed. Muhammad Abdul Salam Syahin. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiah.